

## Petikan Kuntum-kuntum Bunga

Halaman ini kami hiasi dengan kuntum-kuntum bunga yang kami telah petik di sana di sini. Kepada siapa yang meminatinya, silahkan pula menyuntingnya.

### Percakapan Di Antara Abū Dhar dengan Rasulullah (S.A.W).

Ketika Abū Dhar memasuki Masjid Madinah dan mendapati Rasulullah (S.A.W) berada di sana, dia pun duduk di samping baginda. Baginda telah mengatakan kepadanya demikian: “Hai Abū Dhar! Sesungguhnya bagi masjid itu ada *tahiyat*-nya (kehormatan yang diberikan kepadanya). Dan *tahiyah* kepada masjid itu ialah sembahyang dua rakaat. Sembahyanglah dua rakaat.”

Abū Dhar pun sembahyanglah dua rakaat, lalu kembali mendekati baginda. Dia telah mendapati peluang yang terluang baginya, untuk mendalami lagi ilmu pengetahuannya dalam perkara agama dan dunianya. Maka bertanyalah ia kepada baginda:

Abū Dhar: Ya Rasulullah! Tuan telah menyuruh saya tadi sembahyang, apakah sembahyang itu?

Rasulullah: Dialah (sembahyang itu) sebaik-baik perkara yang diletakkan — sama ada terbanyak atau tersedikit.

Abū Dhar: Ya Rasulullah! Amalan apakah yang paling utama?

Rasulullah: Percaya kepada Allah *‘Azza wa Jalla* dan berjuang pada jalan-Nya.

Abū Dhar: Orang Mukmin manakah yang sempurna imannya?

Rasulullah: Orang Mukmin yang paling baik budi pekertinya.

Abū Dhar: Ya Rasulullah! Orang Mukmin manakah yang sempurna Islamnya?

Rasulullah: Jika orang-orang lain terselamat dari bencana lidah dan tangannya.

Abū Dhar: Ya Rasulullah! Berhijrah yang bagaimanakah paling utama?

Rasulullah: Berhijrah dengan meninggalkan semua keburukan.

Abū Dhar: Ya Rasulullah! Sembahyang apakah yang paling afdal?

Rasulullah: Yang berpanjangan permohonannya.

Abū Dhar: Ya Rasulullah! Apakah puasa itu?

Rasulullah: Ialah suatu kewajipan yang berpahala, dan di sisi Allah balasannya berlipat ganda.

Abū Dhar: Ya Rasulullah! Jihad apakah yang paling afdal?

Rasulullah: Siapa yang cedera tunggangannya dan tercurah darahnya.

Abū Dhar: Ya Rasulullah! Memerdekakan yang bagaimanakah paling afdal?

Rasulullah: Yang Paling mahal harganya dan paling berharga di sisi Allah.

Abū Dhar: Ya Rasulullah! Sedekah apakah yang paling afdal?

Rasulullah: Derma dari orang yang tak berkecukupan tetapi mudah memberi orang kesempatan.

\* \* \*

## Surat Wasiat Saiyidina ‘Uthmān

Tatkala Saiyidina ‘Uthmān bin ‘Affān (R.A.) dibunuh oleh kaum pemberontak, orang-orang pun memeriksa perbendaharaannya. Mereka dapati di dalamnya ada sebuah peti yang terkunci. Bila peti itu dibuka terdapat pula di dalamnya sepucuk surat wasiat yang tertulis demikian:

“Inilah wasiat ‘Uthmān bin ‘Affān, menyaksikan bahawasanya tidak ada Tuhan melainkan Allah yang Maha Esa, tiada sekutu bagi-Nya. Dan bahawasanya Muḥammad itu hamba-Nya dan utusan-Nya. Sesungguhnya syurga itu adalah *ḥaqq* (benar) dan neraka adalah benar. Sesungguhnya Allah akan membangkitkan orang yang di dalam kubur pada hari yang tidak diragukan padanya. Dan sesungguhnya Allah itu tidak mungkir janji. Atasnya (kalimah *Lā ilāha illā Allāh*) itulah kita hidup dan kita mati, dan atasnya kita dibangkitkan — *in shā’a Allāh* — daripada orang-orang yang mendapat kemenangan.”

\* \* \*

## Percakapan Di Antara ‘Aqīl Dengan Mu‘āwiyah

Adalah ‘Aqīl bin Abī Ṭālib itu saudara kepada Saiyidina ‘Alī bin Abī Ṭālib, dia sentiasa dalam keadaan berhutang. Semasa itu antara Saiyidina ‘Alī dengan Mu‘āwiyah terjadi permusuhan dan berperang-perangan disebabkan perebutan jawatan “Khalifah”. Selepas terbunuhnya Saiyidina ‘Uthmān bin ‘Affān, Mu‘āwiyah telah melantik dirinya Khalifah di negeri Syam, sedang Saiyidina ‘Alī pula telah dilantik oleh penyokong-penyokongnya menjadi Khalifah yang kemudiannya menetap di negeri Iraq (Kufah).

‘Aqīl telah pergi ke Kufah meminta kepada Saiyidina ‘Alī membantunya dengan wang, untuk membayar hutangnya yang banyak. Tetapi Saiyidina ‘Alī oleh kerana beliau bertanggungjawab memelihara harta-harta orang Islam, maka tidak dapat

memberikan wang kepadanya untuk memenuhi permintaannya itu.

Dengan hal yang demikian, ‘Aqīl menjadi marah terhadap saudaranya, lalu pergilah ia ke negeri Syam mendapatkan Mu‘āwiyah dan minta pertolongannya. Di sana ‘Aqīl telah disambut dengan baik oleh Mu‘āwiyah serta memuliakannya, dan seterusnya memenuhi segala hajat ‘Aqīl sehingga dapatlah ia membayar segala hutang-hutangnya.

Di atas peristiwa inilah pada suatu hari Mu‘āwiyah telah berkata tentang diri ‘Aqīl itu dengan katanya:

“Inilah Abū Yazīd (gelaran ‘Aqīl). Kalaulah tidak kerana dianya sudah tahu yang aku ini lebih baik dari saudaranya, nescaya dia tidak akan datang ke sini untuk tinggal bersama-sama aku dan meninggalkan pula saudaranya.”

Mendengar itu ‘Aqīl menjawab: “Saudaraku ‘Alī sebenarnya adalah lebih baik bagiku dalam perkara keagamaanku. Sedang engkau pula terlebih baik bagiku dalam perkara keduniaanku. Engkau memang lebih mengutamakan keduniaanku. Kupohonkan mudah-mudahan Allah mengurniakan kesudahan yang baik.

Kemudian Mu‘āwiyah berkata pula kepadanya: “Hai Abū Yazīd! Aku sememangnya lebih baik dari saudaramu ‘Alī itu.”

Jawab ‘Aqīl pula: “Benar katamu itu. Sesungguhnya saudaraku itu orang yang mementingkan agamanya dari dunianya. Tetapi engkau lebih mengutamakan duniamu dari agamamu. Jadi engkau adalah lebih baik dari saudaraku, tetapi saudaraku itu pula lebih baik terhadap dirinya daripada engkau terhadap dirimu.”

